

08 JAN 1997

SAMBUTAN RASMI UNTUK PM JEPUN

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto yang tiba pagi ini untuk lawatan rasmi dua hari ke Malaysia, diberi sambutan rasmi di Bangunan Parlimen petang ini.

Beliau disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selepas lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan, Hashimoto memeriksa kawalan kehormatan 105 anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja yang dipimpin Mej Mohd Rafizi Haji Shariff.

Menteri kabinet dan para perwakilan asing seterusnya diperkenalkan kepada Hashimoto yang kemudian mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Pejabat Perdana Menteri.

Hashimoto yang sebelum ini melawat Brunei akan juga mengunjungi Indonesia, Vietnam dan Singapura.

-- BERNAMA

NHD AHH